



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**CABARAN MEMPROMOSIKAN SENI PERSEMBAHAN BORIA DI
PULAU PINANG**

ABDUL HADI QUSAIRY BIN MOHD HANIFAH

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2016**

CABARAN MEMPROMOSIKAN SENI PERSEMBAHAN BORIA DI PULAU
PINANG

ABDUL HADI QUSAIRY BIN MOHD HANIFAH

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2016

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the.....day of.....2016.

Student's Declaration:

I, **ABDUL HADI QUSAIRY BIN MOHD HANIFAH, 44844, FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF** hereby declare that the work entitled, **CABARAN MEMPROMOSIKAN SENI PERSEMBAHAN BORIA...**

DI PULAU PINANG

.....is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

**ABDUL HADI QUSAIRY BIN MOHD HANIFAH
(44844)**

Date submitted

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I, **ENCIK MAZDAN ALI AMARAN** hereby certifies that the work entitle, **CABARAN MEMPROMOSIKAN SENI PERSEMBAHAN BORIA DI PULAU PINANG**.....was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/~~full~~ fulfillment for the conferment of **IJAZAH SARJANA MUDA SENI GUNAAN DENGAN KEPUJIAN (PENGURUSAN SENI)**.....and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: **ENCIK MAZDAN ALI AMARAN** Date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____

Supervisor signature: _____

Current Address:

**TS 10486 SUNGAI DUA,
13800, BUTTERWORTH, PULAU PINANG**

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk '**Cabaran Mempromosikan Seni Persembahan Boria di Pulau Pinang**' telah disediakan oleh **Abdul Hadi Qusairy Bin Mohd Hanifah** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

.....

Tarikh:

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan yang dipamerkan dalam Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institut pengajian tinggi (IPT) lain.

Yang Benar,

.....

(ABDUL HADI QUSAIRY BIN MOHD HANIFAH)

44844

Program Pengurusan Seni

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Syukur Alhamdulillah kehadiran Ilahi kerana dengan izin NYA saya dapat menyiapkan projek tahun akhir ini dengan jayanya. Dengan kudrat dan iradat yang dipinjamkan dari segi pengetahuan, kekuatan dan kesihatan untuk menyiapkan projek tahun akhir ini.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia yang dihormati Encik Mazdan Bin Ali Amaran di atas segala tunjuk ajar, galakan, pengetahuan, sokongan dan nasihat yang telah diberikan. Segala jasa yang telah Encik Mazdan berikan tiada ternilai harganya.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada keluarga tercinta terutama ibu dan bapa saya, Encik Mohd Hanifah Bin Kadir dan Puan Kamariah Binti Othman yang tidak pernah putus memberikan dorongan, sokongan bantuan kewangan serta sentiasa mendoakan yang terbaik untuk saya.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada informan yang sudi memberikan kerjasama untuk ditemubual dalam membantu saya mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Selain itu, tidak lupa juga ucapan terima kasih buat rakan-rakan seperjuangan yang terlibat dalam membantu saya menyiapkan projek tahun ini. Ilmu dan bantuan daripada kalian sangat-sangat dihargai.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang projek tahun akhir ini dilakukan.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT	
Penghargaan	i	
Isi Kandungan	ii	
Abstrak	vi	
Abstract	vii	
BAB 1	PENGENALAN	
1.0	Pendahuluan	1
1.1	Pengenalan	1
1.1.1	Latar Belakang dan Sejarah Boria	2
1.1.2	Persembahan Boria	3
1.1.3	Ciri-Ciri dalam Seni Persembahan Boria	4
1.1.3.1	Alat-alat Muzik	4
1.1.3.2	Kostum dan Props	5
1.1.3.3	Cerita dan Lakonan	5
1.1.3.4	Organisasi Kumpulan	6
1.1.3.5	Tarian	6
1.1.3.6	Nyanyian	7
1.2	Definisi	8
1.3	Objektif Kajian	9

1.4	Skop Kajian	11
1.5	Permasalahan Kajian	12
1.6	Kepentingan Kajian	14
1.7	Limitasi Kajian	15
1.8	Rumusan	16
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	
2.0	Pendahuluan	17
2.1	Peranan Media Massa	17
2.2	Apresiasi Seni Persembahan atau Teater	19
2.3	Cabaran Penggiat Seni Persembahan atau Teater	20
2.4	Rumusan	22
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.0	Pendahuluan	23
3.1	Kaedah Kajian	24
3.1.1	Kaedah Kualitatif	24
3.2	Sumber Data	25
3.2.1	Sumber Primer	25
3.2.2	Sumber Sekunder	25

3.3	Lokasi Kajian	26
3.4	Persampelan	27
3.5	Rumusan	28
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.0	Pendahuluan	29
4.1	Latar Belakang Informan	29
4.2	Dapatan Kajian	32
4.2.1	Peranan Media Massa	32
4.2.2	Apresiasi Masyarakat	34
4.2.3	Cabaran yang Dihadapi oleh Penggiat Seni Persembahan Boria	36
4.3	Rumusan	40
BAB 5	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN	
5.0	Pendahuluan	41
5.1	Rumusan Kajian	42
5.2	Perbincangan	43
5.3	Cadangan	44

5.3.1	Memperbanyakkan Persembahan dan Mengadakan Pertandingan	44
5.3.2	Memberikan Ganjaran dan Dana Kepada Kumpulan Boria	46
5.3.3	Seminar dan Kempen Seni Budaya dan Warisan di Setiap Peringkat di Pulau Pinang	46
5.3.4	Tingkatkan Strategi Promosi	47
5.3.5	Galeri Boria	48
5.4	Cadangan Bagi Kajian akan Datang	49
5.5	Rumusan	50
	Rujukan	51
	Lampiran A	54
	Lampiran B	55
	Lampiran C	56

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji cabaran mempromosikan seni persembahan boria di Pulau Pinang. Dalam kajian ini kaedah kualitatif telah digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan maklumat berdasarkan temu bual yang dilakukan terhadap tokoh, pengiat, guru dan ahli kumpulan boria seramai lapan orang. Data yang telah dikumpulkan melalui hasil temu bual dianalisis dengan menggunakan kaedah analisa kandungan agar pengkaji dapat menapis perbualan yang tidak relevan dan menjawab objektif kajian. Kawasan kajian pengkaji meliputi daerah di Pulau Pinang iaitu di Barat Daya, Timur Laut dan Seberang Perai Utara. Dapatan kajian mendapati pengiat boria menghadapi cabaran dari segi mengekalkan keaslian boria.

ABSTRACT

This thesis aims to study upon the challenges in promoting the arts of Boria in Penang. In this study, qualitative approach is used by the researcher in finding information by interviewing eight informant which are activist in Boria, teachers and group members that practice it. The data collected is based on in-depth interview were analyzed using content analysis method where the researcher can filter any irrelevant conversation that are not related to the research objectives. The study area for this research mainly situated in Penang which are Southeast, Northeast and Northern part of Seberang Perai. This study found that the Boria activists have some difficulties in terms of maintaining the authenticity of Boria art.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan mengenai kajian yang akan dilaksanakan. Pada permulaannya pengkaji akan menceritakan latar belakang dan sejarah kajian. Seterusnya pengkaji akan membincangkan mengenai objektif kajian, permasalahan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian.

1.1 PENGENALAN

Boria merupakan sejenis seni persembahan teater yang amat terkenal di negeri utara Malaysia terutamanya di Pulau Pinang. Seni persembahan boria ini mempunyai dua segmen iaitu sketsa dan persembahan yang merangkumi nyanyian, muzik, dan tarian. Segmen sketsa ini adalah pengenalan yang dimulakan dengan menyampaikan sebuah lakonan yang mempunyai mesej dan nasihat. Sehingga ke hari ini boria masih bertahan dan menjadi sebuah identiti bagi masyarakat Melayu terutamanya di Pulau Pinang.

1.1.1 LATAR BELAKANG DAN SEJARAH BORIA

Sejarah boria pada asalnya dikaitkan dengan peristiwa Karbala iaitu peristiwa pembunuhan Saidina Hassan dan Hussein r.a, putera kepada Saidina Ali oleh tentera Muawiyah bin Abi Suffian. Menurut Mohamad Ishak Abdul Aziz (1979), kewujudan teater tradisional boria mempunyai hubung kait dengan satu upacara yang dinamakan upacara Ta'ziya. Upacara Ta'ziya ini diperingati oleh kaum syiah yang mengadakan upacara perkabungan atas kematian Saidina Hassan dan Hussein r.a yang penuh tragik. Dalam upacara ta'ziya terdapat persembahan, lakonan, syair yang digubah dalam nyanyian beramai-ramai mengikut kumpulan masing-masing. Lakonan, syair dan nyanyian dalam upacara itu dilakukan untuk menggambarkan peristiwa berdarah itu.

Pada akhir upacara mereka akan mengadakan satu perarakan yang membawa lambang tangan dan mengibarkan bendera-bendera berwarna merah di sekitar kawasan perkuburan, manakala di Pulau Pinang bendera putih dan merah ini pula mewakili kumpulan-kumpulan boria yang terdapat di Pulau Pinang pada masa itu. Setelah berlaku peredaran masa, upacara yang menjadi sambutan kaum syiah ini mula mengalami perubahan. Apabila teater boria mula menjalar masuk ke semenanjung Malaysia terutamanya di Pulau Pinang, Menurut Abdullah dalam Thavamalar Tausee Ganu (2007), tujuan utama teater boria ini adalah untuk hiburan semata-mata dan bukan untuk memperingati kewafatan Saidina Hassan dan Hussein r.a. Menurut beliau lagi, teater boria juga telah dimodenkan mengikut konsep hiburan di samping mengekalkan tradisinya.

Menurut Mohd Ghazali Abdullah (1995), boria mula dibawa masuk ke Pulau Pinang pada tahun 1845 oleh Tentera rejimen Madras yang ke-21. Menurut beliau juga, Tentera Rejimen Madras ini adalah sebuah syarikat British yang telah membawa masuk golongan pekerja yang berasal dari wilayah Chulia dan Beri, India ke Pulau Pinang.

1.1.2 PERSEMBAHAN BORIA

Pada asalnya pelakon boria adalah lelaki sahaja, jika terdapat watak wanita di dalam lakonan ia akan dilakonkan oleh lelaki yang memakai pakaian wanita sambil mengubah nada suara seakan wanita. Dari masa ke semasa, seni persembahan boria ini telah berlaku perubahan dan terdiri dari peserta lelaki dan perempuan. Lakonan dalam seni persembahan boria menampilkan cerita-cerita sejarah, isu-isu kemasyarakatan dan sebagainya. Seni persembahan boria telah menjadi medium hiburan yang mempunyai mesej, pendidikan, nasihat dan sensitiviti tersendiri. Menurut Rahmah Bujang, (1987), lagu dan tarian adalah dua elemen penting dalam seni persembahan boria. Elemen-elemen ini digarap kan agar menjadi persembahan yang mempunyai struktur yang istimewa. Kedua-dua elemen ini saling bergandingan di antara satu sama lain dalam menentukan mutu sesuatu persembahan.

Menurut Rahmah Bujang (1987) juga, seni persembahan boria merangkumi dua aspek iaitu pengenalan dan persembahan. Bahagia pengenalan adalah lakonan sketsa yang menyampaikan mesej, nasihat dan jenaka dalam bentuk hiburan. Aspek kedua iaitu persembahan yang merangkumi nyanyian, muzik dan tarian. Sailor iaitu penari dalam kumpulan boria akan masuk ke pentas dengan gerak langkah tertentu selepas bahagian pengenalan atau sketsa ini selesai dengan diikuti oleh tukang karang iaitu orang utama

yang akan mengendalikan persembahan itu. Selepas itu nyanyian akan dimulakan secara solo oleh tukang karang sambal mengayunkan tongkat atau 'baton' ke kiri dan ke kanan sambal diikuti oleh nyanyian dari pihak penari atau sailor. Sailor akan menari serentak dan seragam dengan gerak langkah tertentu mengikut muzik lagu yang dimainkan. Manakala dari segi pola lantai ditentukan oleh sesuatu kumpulan boria itu sendiri mengikut kreativiti mereka menggunakan pola lantai. Di akhir persembahan boria tukang karang akan keluar dahulu sambal diikuti oleh sailor dengan iringan muzik. Muzik yang mengiring kumpulan boria ini adalah sama untuk masuk dan keluar dari pentas.

1.1.3 CIRI – CIRI DALAM SENI PERSEMBAHAN BORIA

1.1.3.1 ALAT-ALAT MUZIK

Dalam seni persembahan boria alat-alat muzik yang digunakan adalah seperti violin, gambus, marwas, table, sambal, gendang, akordion, harmonika dan berbagai alat lagi. Menurut Mohamad Ishak Abdul Aziz (1979), peralatan muzik yang digunakan adalah berbentuk tradisional dan kualiti persembahan adalah bergantung kepada alat muzik yang digunakan dalam seni persembahan boria. Jika terdapat lebih lagi alat muzik yang digunakan persembahan boria akan menjadi lebih baik dan menarik. Oleh itu, peralatan muzik yang digunakan dalam persembahan boria tidak begitu khusus. Aspek yang dititikberatkan adalah keupayaan pemuzik untuk mengiringi nyanyian tukang karang. Penggunaan alat muzik juga telah berubah mengikut kemodenan dengan penggunaan alat muzik moden seperti piano, gitar elektrik, trumpet, keyboard dan sebagainya.

1.1.3.2 KOSTUM DAN PROPS

Pakaian yang digunakan dalam seni persembahan boria adalah seragam dan berwarna-warni. Selain itu, pakaian yang digunakan dalam persembahan boria juga mengikut jalan cerita yang ingin dipersembahkan. Jika jalan cerita itu mengisahkan suasana masyarakat Melayu pakaian dan props yang digunakan akan mengisahkan tentang penceritaan tersebut. Antara props yang sering digunakan dalam seni persembahan boria adalah seperti bendera, payung, keris, bunga manggar, tongkat dan sebagainya. Menurut Zaini binti Man dalam Thavamalar Tausee Ganu (2007) menyatakan, warna kostum bagi tukang karang dan sailor adalah berbeza bagi memperlihatkan perbezaan antara sailor dan tukang karang.

1.1.3.3 CERITA DAN LAKONAN

Pada awalnya seni persembahan boria masih mengekalkan cerita mengenai peristiwa Karbala. Menurut Mohamad Ishak Abdul Aziz (1979) menyatakan, cerita dalam persembahan boria mengekalkan cerita Arab yang menyentuh mengenai Hikayat Seribu Satu Malam, cerita sejarah dan bangsawan seperti Lancang Kuning, Mahsuri dan sebagainya. Apabila berlaku peredaran zaman, cerita dan tema dalam boria mula berlaku perkembangan dengan memaparkan isu-isu sosial, kemasyarakatan, perpaduan, pendidikan, isu semasa dan sebagainya yang lebih bersifat pengajaran dan bermanfaat di samping lawak jenaka yang menjadi elemen penting dalam sesuatu persembahan boria.

Selain itu, pada awal perkembangan seni persembahan boria tidak menggunakan skrip dan lakonan, setiap lakonan dilakukan secara spontan dan hanya berpandukan

kepada jalan cerita yang ditetapkan oleh pengarah. Oleh itu, masa sesuatu persembahan boria itu bergantung kepada pelakon kerana mereka dapat memanjangkan atau memendekkan lakonan menurut kemahuan mereka sendiri.

1.1.3.4 ORGANISASI KUMPULAN

Pada masa dahulu sesebuah kumpulan boria terdiri dari 40 hingga 60 orang yang terdiri daripada pengurus, tukang karang, tauke atau penaja dan sailor iaitu penari dan pemuzik. Pada masa ini ke semua ahli persembahan boria terdiri daripada kaum lelaki dan mula mengalami perubahan dengan terdapat penglibatan wanita dalam kumpulan boria selepas berlakunya perang dunia kedua. Sesebuah kumpulan boria mempunyai seorang tauke iaitu penaja yang membiayai kumpulan boria ini. Selain tauke, tukang karang turut menjadi orang penting dalam sesebuah kumpulan boria. Hal ini kerana, tukang karang perlu berupaya mencipta lirik sesuatu persembahan secara spontan dan mempunyai kekuatan untuk membawakan lagu dengan sempurna. Oleh sebab itu, tukang karang merupakan nadi dalam menggerakkan sesebuah kumpulan boria.

1.1.3.5 TARIAN

Setiap tarian dalam boria berkait rapat dengan sketsa yang dipersembahkan. Menurut Rahmah Bujang (1987), tarian yang dipersembahkan dalam seni persembahan boria mempunyai kaitan dengan sketsa yang disampaikan. Menurut beliau juga, tarian semasa kemunculan seni persembahan bora adalah bercirikan tarian Arab. Kemudian mengalami perubahan semasa zaman 50an dan 60an yang lebih dipengaruhi oleh irama twist, Hindustan, pop dan sebagainya. Menurut zaini binti man dalam tesis Thavamalar

Tausee Ganu (2007), gerak-geri tarian dalam boria tidak mempunyai makna yang tersendiri. Setiap kumpulan boria bebas untuk mempersembahkan lagu dan gerak tarian mengikut kreativiti mereka.

1.1.3.6 NYANYIAN

Menurut Rahmah Bujang dalam Thavamalar Tausee Ganu (2007) dalam seni persembahan boria seni kata lagu yang dicipta berasaskan lakonan yang dipentaskan. Setiap susunan seni kata itu adalah berbentuk syair. Dalam seni persembahan boria rangkap pertama dalam lagu boria adalah untuk memperkenalkan kumpulan boria masing-masing. Amalan ini sememangnya menjadi amalan kepada semua kumpulan boria dari dahulu sehingga kini. Selain itu, jika orang yang menjemput kumpulan boria ini berasal dari golongan berada atau ternama maka rangkap awal nyanyian selalunya bersifat pujian kepada si pengundang itu. Di samping itu, seni kata yang baik harus mempunyai suku kata yang seirama di setiap hujung rangkap. Contoh seni kata yang baik adalah seperti berikut:

Dunia tak sunyi dengan sengketa,

Terhadap masyarakat kampung dan kota,

Puji dan puja keji dan kata,

Boria Sungai Pinang membawa cerita.

Setelah persembahan boria sampai ke akhir persembahan kumpulan boria akan mengucapkan salam atau memohon ampun atas segala kelakuan mereka sepanjang persembahan.

1.2 DEFINISI

Menurut HT Haughton di dalam buku Sejarah dan Perkembangan Boria Pulau Pinang menyatakan bahawa, perkataan boria ini diambil dari perkataan Hindustan yang membawa maksud tikar atau tikar sembahyang atau tikar gulung. Perkataan ini muncul kerana kebanyakan penggiat boria pada masa itu merupakan golongan pekerja yang berasal dari wilayah Chulia dan Beri, India yang dibawa masuk oleh syarikat British.

Menurut Rahmah Bujang (1987), boria berasal dari perkataan 'Bori' iaitu satu suku kaum yang berasal dari Gujarat, India. Dikatakan kaum ini telah berhijrah serta menetap di Pulau Pinang dan kaum ini dipercayai memulakan kesenian permainan boria di Pulau Pinang. Menurut beliau juga, perkataan boria telah lahir dari gabungan perkataan 'bori' dan 'ria' yang merupakan gabungan dari seni lakon, sastera, lagu dan tari.

Selain itu, ada juga pendapat yang menyatakan perkataan boria berasal dari perkataan 'Borai' yang membawa maksud gila atau sasau. Perkataan Borai ini dikatakan berasal daripada bahasa Hindustan.

Menurut Mohamad Ishak Abdul Aziz (1979) menyatakan, ‘Sailor’ merupakan kumpulan penari dan penyanyi yang bertanggungjawab untuk mengatur langkah tarian mengikut muzik dan lagu dalam sesebuah persembahan boria.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini dilakukan untuk mengkaji cabaran dalam mempromosikan seni persembahan boria di Pulau Pinang. Berikut merupakan objektif kajian ini dilakukan:

Objektif umum:

Mengkaji kemerosotan seni persembahan boria dari segi promosi dan langkah yang perlu di ambil bagi mengatasi masalah ini agar seni persembahan boria ini dapat dipelihara dan di warisi oleh generasi akan datang.

Objektif khusus:

1. Mengkaji peranan media massa dalam memainkan peranan dalam mempromosikan seni persembahan boria yang semakin tenggelam dan dilupakan.

Media massa merupakan alat menyebarkan sesuatu maklumat atau informasi dengan pantas dan mampu mempengaruhi dan menarik seseorang itu. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji ingin mengkaji sejauh mana peranan media massa memainkan peranan dalam mempromosikan seni persembahan boria. Di samping itu pengkaji ingin mengkaji peranan media massa yang tidak lagi

menumpukan seni persembahan tradisional terutamanya boria. Media massa lebih cenderung mempromosikan sesuatu perkara yang mendapat sambutan atau mengikut pasaran waktu ini seperti program mencari bakat dalam nyanyian.

2. Mengkaji apresiasi seni persembahan boria terhadap masyarakat Pulau Pinang

Pada zaman yang serba canggih ini, adat dan seni tradisional semakin dilupakan dan tiada penjagaan. Masyarakat lebih tertumpu kepada sains dan teknologi serta mengikut permintaan pasaran. Hal ini menyebabkan apresiasi masyarakat terutamanya masyarakat Pulau Pinang terhadap seni persembahan boria semakin berkurangan. Masyarakat memandang seni persembahan tidak lebih dari seni persembahan dan tidak mampu menyumbang kepada ekonomi dan sosial. Masyarakat mempunyai pandangan negatif terhadap seni terutamanya dalam bidang seni persembahan sehingga warisan budaya ini semakin terhakis di telan kecanggihan teknologi.

3. Mengkaji cabaran yang dihadapi oleh penggiat seni persembahan boria dalam beberapa aspek.

Pengkaji juga akan mengkaji cabaran yang dihadapi oleh penggiat seni persembahan boria yang menyukarkan mereka untuk bertahan dan mengembalikan kegemilangan seni persembahan boria. Pengkaji juga akan mengkaji dari segi cabaran antara sesama industri seni seperti industri muzik yang mendapat lebih perhatian berbanding seni persembahan tradisional seperti boria yang dianggap sebagai kelas bawahan.

Selain itu cabaran lain yang menjadi cabaran untuk penggiat seni boria adalah tidak mempunyai pelapis dari golongan muda dan sehingga hari ini

golongan yang masih aktif adalah golongan veteran yang masih bertahan memperjuangkan seni warisan budaya ini. Di samping itu, cabaran dari segi peralatan props dan kostum yang banyak diperlukan serta pentas yang boleh menyebabkan penggiat seni persembahan boria sukar mempromosikan seni persembahan boria. Hal ini kerana setiap persembahan boria mempunyai ramai ahli dan menyebabkan memerlukan banyak penggunaan peralatan tersebut.

1.4 SKOP KAJIAN

Melalui skop kajian ini pengkaji akan mengupas mengenai cabaran dalam mempromosikan seni persembahan boria di Pulau Pinang. Pengkaji memilih kawasan di sekitar Pulau Pinang iaitu daerah barat daya, timur laut dan seberang perai utara sebagai lokasi kajian. Pengkaji menyasarkan penggiat seni boria di Pulau Pinang mengenai cabaran mereka dalam mempromosikan seni persembahan boria.

Selain itu pengkaji ingin melihat tahap promosi seni persembahan boria yang dimainkan oleh media massa pada masa ini. Pengkaji akan memfokuskan beberapa tempat di seberang perai utara untuk mendapatkan maklumat mengenai cabaran penggiat seni persembahan boria untuk mempromosikan seni persembahan ini. Di samping tu, masalah dan cabaran yang dihadapi oleh penggiat seni persembahan boria dalam mempromosikan seni persembahan boria ini.